LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum membuat keputusan untuk melanggan CIMB Lazada Prepaid MasterCard. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat CIMB Lazada Prepaid MasterCard.)

CIMB Bank Berhad

CIMB Lazada Prepaid MasterCard

30 September 2020

1. Apakah produk ini?

Ini adalah sebuah instrumen e-money yang mengandungi nilai kewangan yang perlu ditambah nilai. Nilai akan ditolak daripada amaun yang disimpan dalam kad apabila pembelian dibuat. Anda dikehendaki untuk menambah nilai ke dalam kad sebelum membuat pembelian. Instrumen e-money ini adalah dwi-jenama bersama Lazada Malaysia.

Akaun CIMB Lazada Prepaid MasterCard ("**Akaun**") adalah akaun yang boleh dibuka di dalam talian pada bila-bila masa dan di mana jua tanpa perlu melawat cawangan, memberikan anda penggunaan serta-merta untuk akaun ini. Fungsi-fungsi dan batasan produk ini bergantung pada sama ada anda membuka akaun sebagai pengguna berdaftar CIMB Clicks atau bukan pengguna CIMB dan ianya tertakluk pada Fungsi-fungsi Produk seperti yang tertera di bawah. Permohonan untuk CIMB Lazada Prepaid MasterCard ini perlu dibuat melalui CIMB Clicks di mana anda perlu memilih jika anda mempunyai akaun CIMB Clicks ataupun jika anda merupakan pelanggan baharu pada CIMB Clicks.

Jika anda mempunyai akaun CIMB Clicks, anda memilih pilihan 'Saya mempunyai ID Clicks' dan log masuk ke akaun CIMB Clicks anda. Setelah menyerahkan permohonan anda, anda akan segera dikeluarkan dengan kad maya yang boleh digunakan dengan serta-merta. Kad fizikal akan dihantar kepada anda dalam masa dua (2) minggu dari tarikh penyerahan permohonan anda.

Sekiranya anda tidak mempunyai sebarang akaun perbankan atau akaun lain dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad, anda hanya layak untuk mendaftar untuk Akaun ini jika anda seorang rakyat Malaysia yang mempunyai MyKad Malaysia yang sah.

Untuk memohon, anda memilih pilihan 'Saya baru/ Tidak mempunyai ID Clicks' dan lengkapkan aplikasi CIMB Lazada Prepaid MasterCard anda. Anda kemudiannya dikehendaki membuat akaun CIMB Clicks untuk menguruskan Akaun. Anda akan diberikan kad maya serta-merta tetapi ia tidak akan diaktifkan sehingga anda menyelesaikan proses pengesahan oleh Bank. Anda akan dimaklumkan mengenai status kad dalam masa 2 hari bekerja.

Anda tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen fizikal dan tiada bukti pendapatan gaji diperlukan. Anda hanya perlu mendaftar secara dalam talian melalui laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my. Kriteria kelayakan untuk membuka CIMB Lazada Prepaid MasterCard

- Pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.
- Pemohon mesti memiliki MyKad, nombor telefon mudah alif berdaftar Malaysia yang aktif dan alamat surat menyurat di Malaysia.

Sebaik sahaja permohonan anda telah diluluskan dan anda disahkan, akaun maya anda akan dikeluarkan untuk penggunaan serta-merta. Selepas memasukkan wang ke dalam Akaun, anda boleh melakukan pembelian dalam talian, membayar bil dan menambah nilai kredit pra-bayar telefon mudah alih anda.

Akaun ini juga datang dengan kad fizikal yang diisukan oleh Bank (“**Kad**”) untuk pembelian di gedung di semua peniaga di dalam dan di luar negara yang menerima kad Mastercard. Penggunaan produk ini adalah untuk transaksi runcit individu. Anda hanya boleh memegang satu (1) Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** pada setiap satu masa.

Kad anda datang dengan sebuah ciri yang membolehkan anda untuk membayar untuk barangan dan perkhidmatan dengan sentuhan atau imbasan Kad anda di pembaca/ terminal tanpa sentuhan (“**Transaksi Tanpa Sentuhan**”). Transaksi Tanpa Sentuhan yang tidak melebihi RM250 tidak memerlukan nombor PIN atau tandatangan anda. Jumlah Transaksi Tanpa Sentuhan agregat yang dibenarkan dalam sehari adalah RM1,000. Sekiranya anda ingin menghentikan ciri Transaksi Tanpa Sentuhan atau meletakkan had jumlah yang lebih rendah untuk Transaksi Tanpa Sentuhan pada Kad anda, sila hubungi kami di +603 6204 7788.

Ciri-ciri produk

- 1% Rebat Tunai
  Anda akan menerima Rebat Tunai 1% bagi perbelanjaan di Lazada

- 0.5% Rebat Tunai
  Anda akan menerima Rebat Tunai 0.5% bagi perbelanjaan lain.

- Pengecualian
  Transaksi dalam kategori berikut dikecualikan dari menerima rebat tunai:-
  i. Pembelian petrol, diesel dan apa-apa pembelian lain yang dibuat di kiosk/ stesen petrol;
  ii. Deposit tunai dan transaksi pengeluaran tunai;
  iii. Transaksi runcit yang tidak sah dan yang dipertikaikan;
  iv. Cukai kerajaan, caj bayaran lambat dan fi atau caj yang didebitkan kepada Akaun;
  v. Pembayaran kepada badan amal kebajikan tertakluk di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) 8398 – Pertubuhan khidmat amal; dan
  vi. Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan tertakluk di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

9211	Kos mahkamah, termasuk nafkah dan sokongan anak
9222	Saman
9223	Bayaran jaminan dan bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan kerajaan
9402	Perkhidmatan pos– kerajaan sahaja
9405	Pembelian Intra-kerajaan- kerajaan sahaja

Bank akan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari kalendar jika ada sebarang jenis transaksi yang tidak dinyatakan di atas yang dikecualikan dari menerima ganjaran Rebat Tunai.

Rebat tunai akan diberikan untuk transaksi yang dicajkan kepada **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda. Rebat tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun anda pada hari ke-25 bulan berikutnya. Anda layak menerima rebat tunai berikut, tertakluk kepada rebat tunai maksima sebanyak sebanyak RM25 untuk setiap kad, setiap penyata bulanan.

- **Pembelian di Kedai**
  CIMB Lazada Prepaid MasterCard boleh digunakan untuk membuat pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan di peniaga di dalam dan di luar negara yang menerima MasterCard.

- **Pembelian Dalam Talian**
  Lakukan pembelian dalam talian dengan mudah melalui **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**.
  Nota: Pilih “credit card” sebagai kaedah pembayaran untuk transaksi di laman web pihak ketiga.

- **Diskaun & Keistimewaan**
  Nikmati diskaun dan keistimewaan eksklusif di rakan niaga terpilih apabila anda membuat pembayaran dengan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda. Senarai lengkap manfaat diskaun dan keistimewaan boleh didapati di http://www.deals.cimb.com. Diskaun dan Keistimewaan adalah tidak tetap dan boleh berubah.

- **Langkah-langkah Keselamatan**
  Untuk keselamatan tambahan, amaran SMS akan dihantar secara percuma kepada nombor telefon mudah alih anda yang didaftarkan dengan Bank apabila jumlah pembelian berikut dibuat daripada **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda seperti berikut:-
  a. Jumlah pembelian sekurang-kurangnya RM1 untuk pembelian dalam talian
  b. Jumlah pembelian sekurang-kurangnya RM500 untuk pembelian ‘point-of-sale’

  Untuk melindungi terhadap penipuan, anda akan menerima Kod Pengesahan melalui SMS untuk mengesahkan pembelian anda yang dibuat di dalam talian.

Fungsi-fungsi yang boleh digunakan oleh pengguna CIMB Clicks yang berdaftar:

- **Pemindahan Dana**
  Anda boleh memindahkan dana ke dalam akaun anda sendiri atau ke dalam mana-mana akaun pihak ketiga yang dipegang dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad di Malaysia melalui CIMB clicks dengan memasukkan nombor akaun bank penerima.

- **Pengeluaran Wang Tunai**
  Anda boleh mengeluarkan wang tunai di mana-mana terminal ATM CIMB Bank di Malaysia atau ATM bank lain yang memaparkan nama dan/atau logo CIRRUS dengan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda. Nombor Pengenalan Diri (PIN) anda akan dihantar ke alamat pos anda melalui pos biasa.

- **Had Dompet**
  CIMB Lazada Prepaid MasterCard mempunyai had dompet maksimum sebanyak RM4,999 pada setiap satu masa. Anda tidak boleh menambah atau mengkreditkan dana melebihi jumlah maksimum tersebut ke dalam CIMB Lazada Prepaid MasterCard.

- **Had Transaksi Harian**
  Had maksimum bagi transaksi runcit dan tunai gabungan harian adalah RM4,999.

- **Had Pembelian dan Pengeluaran Transaksi Tahunan**
  Jumlah pembelian dan had pengeluaran adalah sehingga RM50,000 bagi setiap tahun kalendar. Sebaik sahaja jumlah had untuk pembelian dan pengeluaran sebanyak RM50,000 dicapai dalam tahun kalendar, anda tidak akan dapat membuat pembelian atau pengeluaran selanjutnya sehingga hari pertama tahun kalendar berikutnya. Contoh: Jika anda menerima Kad pada 1 Jun 2018, dan membelanjakan RM50,000 pada 1 November 2018, anda hanya akan mula membelanjakan semula pada 1 Januari 2019.

Fungsi yang boleh digunakan oleh pelanggan bukan-CIMB atau pelanggan CIMB yang tidak berdaftar dengan CIMB Clicks:

- **Pemindahan Dana**
  Anda boleh memindahkan dana ke dalam akaun sendiri yang dipegang dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad di Malaysia melalui CIMB Clicks dengan memasukkan nombor akaun bank anda. Anda tidak boleh memindahkan dari CIMB Lazada Prepaid MasterCard kepada akaun pihak ketiga.

- **Had Dompet**
  CIMB Lazada Prepaid MasterCard anda mempunyai had dompet maksimum sebanyak RM2,999 pada setiap suatu masa. Anda tidak boleh menambah atau mengkreditkan dana melebihi jumlah maksimum tersebut ke dalam CIMB Lazada Prepaid MasterCard.

- **Had Transaksi Harian**
  Had maksimum bagi transaksi runcit dan tunai gabungan harian adalah RM2,999.

- **Pengeluaran Wang Tunai**
  Pengeluaran Wang Tunai adalah tidak dibenarkan.

- **Had Pembelian Tahunan**
  Jumlah pembelian dan had pengeluaran adalah sehingga RM50,000 bagi setiap tahun kalendar. Sebaik sahaja jumlah had untuk pembelian dan pengeluaran sebanyak RM50,000 dicapai dalam tahun kalendar, anda tidak akan dapat membuat pembelian atau pengeluaran selanjutnya sehingga hari pertama tahun kalendar berikutnya. Contoh: Jika anda menerima Kad pada 1 Jun 2020, dan membelanjakan RM50,000 pada 1 November 2020, anda hanya boleh mula berbelanja semula pada 1 Januari 2021.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Deskripsi	RM
Fi tahunan CIMB Lazada Prepaid MasterCard	RM9.43
Pengeluaran tunai di rangkaian ATM CIMB Bank di Malaysia	Tiada

Pengeluaran tunai di ATM bank lain melalui rangkaian ATM CIRRUS (Domestik dan Antarabangsa)	RM10.00 setiap pengeluaran
Fi Pertanyaan Baki Akaun melalui CIRRUS (Domestik dan Antarabangsa)	RM2.00 setiap pertanyaan
Penggantian Kad (kali pertama)	RM10.00
Penggantian Kad (selepasnya)	RM15.00
Pendapatan Deraf Jualan	RM15.00 setiap salinan
Fi bagi permintaan untuk menghasilkan semula penyata fizikal	RM5.00 setiap penyata bulanan. (e-Penyata tidak dikenakan caj)
Pertukaran untuk Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard International tambah kos pentadbiran sebanyak 1% tambah sebarang fi transaksi yang dikenakan oleh Mastercard International
Pemindahan daripada akaun simpanan atau akaun semasa CIMB Bank / CIMB Islamic Bank melalui CIMB Clicks	Tiada
Mesin deposit tunai CIMB Bank / CIMB Islamic Bank	Tiada
FPX melalui CIMB Clicks	Tiada

3. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?

Jumlah Pra-Pemberikuasaan untuk Transaksi Petrol dan Penginapan Hotel

Pra-Pemberikuasaan melibatkan penahanan sejumlah amaun dari Akaun di mana anda dibenarkan menggunakan sejumlah wang berikut seperti yang ditetapkan dalam keadaan berikut:

(i) Jika Akaun CIMB Lazada Prepaid MasterCard digunakan untuk membayar transaksi petrol Bank akan menahan jumlah sehingga Dua Ratus Ringgit Malaysia (RM200) dari Akaun untuk tempoh dua (2) hari bekerja selepas tarikh transaksi petrol berikut; dan

(ii) Jika Akaun CIMB Lazada Prepaid MasterCard digunakan untuk penginapan hotel, Bank akan menahan jumlah yang ditetapkan oleh pihak hotel berkenaan semasa mendaftar masuk (atau jumlah sama nilai dalam Ringgit Malaysia jika amaun dalam mata wang asing) untuk maksium selama lapan (8) hari.

Semasa Pra-Pemberikuasaan, Bank berhak pembayaran dalam transaksi berjenis lain jika dana dalam Akaun tidak mencukupi.

Transaksi luar negara dan pembelian atas talian

Semua pelanggan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** tidak akan diberikan pilihan untuk melaksanakan transaksi luar negara (transaksi 'point of sale') dan urus niaga pengeluaran tunai luar negara menggunakan Kad, melainkan jika anda telah menyatakan persetujuan untuk melakukan transaksi berikut dengan menghubungi kami di +603-6204 7788 atau melalui ATM untuk membenarkan transaksi luar negara (bersama kad).

Transaksi 'point of sale' adalah transaksi yang dibuat di terminal peniaga di luar Malaysia, di mana **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dikemukakan secara fizikal di terminal pada masa pembayaran diproses.

Anda dibenarkan untuk melaksanakan transaksi dalam talian untuk peniaga dalam negara dan luar negara, tanpa perlu mengemukakan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** secara fizikal. Transaksi sebegitu mungkin termasuk tetapi tidak dihadkan untuk transaksi telefon, transaksi pesanan pos dan transaksi dalam talian melalui internet.

Kad Gantian

Kad gantian boleh diperolehi apabila diminta dengan menelefon pusat panggilan kami di +603-6204 7788.

Akaun Tidak Aktif/ Terpendam

Jika tiada aktiviti dalam Akaun untuk sekurang-kurangnya 6 bulan, Akaun akan diklasifikasikan sebagai terpendam. Fi dan caj yang dicajkan kepada Akaun tidak akan mengaktifkan Akaun. Anda perlu meletakkan kredit ke dalam Akaun untuk mengaktifkannya semula, jika tidak Bank berhak menutup Akaun dengan memberikan anda notis bertulis tentang perkara sama.

Penamatan dan/atau Penggantungan Akaun/Kad

Anda boleh menggantung atau menamatkan Akaun pada bila-bila massa dengan memaklumkan kepada Bank. Anda juga boleh membatalkan penggantungan pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada Bank.

Bank berhak menggantung atau menamatkan Akaun jika:

(i) ada pelanggaran dalam terma-terma dan syarat-syarat;
(ii) anda menjadi muflis atau jika ada rayuan muflis yang difailkan kepada anda di Mahkamah;
(iii) anda telah memberikan maklumat palsu, tidak lengkap atau tidak tepat kepada Bank;
(iv) anda menjadi tidak waras atau meninggal dunia;
(v) jika Bank tidak dapat menghubungi anda atau tidak dapat mengenal pasti di mana anda berada;
(vi) transaksi yang mencurigakan atau tidak biasa yang dibuat pada Akaun dan/atau Kad dan Bank berpendapat bahawa penggantungan/penamatan adalah tindakan yang munasabah untuk mengelakkan transaksi yang tidak dibenarkan atau palsu;

(vii) anda melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan berkenaan Akaun dan/atau Kad;

(viii) Bank mengesyaki Akaun dan/atau Kad digunakan untuk aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang;

(ix) Bank mengesyaki Akaun dan/atau Kad digunakan untuk tujuan komersial seperti pembelian barangan untuk tujuan dijual semula;

(x) Bank melanggar atau akan melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan, keperluan dalaman, atau polisi disebabkan oleh kediaman, warganegara, status penetapan, atau sebarang status lain anda yang berkenaan;

(xi) ia boleh menyalahi undang-undang disebabkan oleh sebarang undang-undang atau pertukaran undang-undang dan peraturan-peraturan (sama ada disebabkan undang-undang atau tidak); atau

(xii) sebarang kawal selia pihak berkuasa atau sebarang fiscal atau pihak berkuasa kewangan authority atau (sama ada disebabkan undang-undang atau tidak) Bank bertindak kemudian atas budi bicara Bank.

4. Apakah risiko-risiko utama?

Anda hendaklah dan akan kekal bertanggungjawab untuk kos yang ditanggung bagi semua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana peniaga yang dilaksanakan menerusi penggunaan Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau **Lazada Prepaid MasterCard**. Anda mempunyai kewajipan untuk dengan sedaya upaya melaksanakan sikap berjaga-jaga, ketekunan dan langkah mencegah untuk menghalang kehilangan, kecurian atau kegunaan Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dengan menipu dan untuk mengelakkan pendedahan ID Pengguna CIMB Clicks, Kata Laluan Perbankan Internet, TAC,PIN anda atau sebarang kod lain yang digunakan oleh anda untuk mengakses Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “kata laluan”) kepada mana-mana orang lain dan anda hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang liabiliti untuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) berbangkit daripada kemungkiran kewajipan sedemikian oleh anda. Kewajipan untuk menggunakan sikap berjaga-jaga, ketekunan dan langkah beringat yang sepenuhnya untuk mengelakkan kerugian, kecurian atau penggunaan Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dengan menipu dan untuk mengelakkan pendedahan kata laluan anda kepada mana-mana orang lain termasuk:-

- tidak membenarkan orang lain menggunakan Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau Kad
- menyemak secara tetap bahawa **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** masih ada dalam simpanan anda
- jangan menulis kata laluan di atas **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** atau apa-apa barangan yang biasanya disimpan dengan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan menyimpan rekod kata laluan anda berasingan daripada **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda, meskipun jika kata laluan diselindung
- jangan tulis kata laluan dalam cara yang boleh difahami oleh orang lain
- jangan dedahkan/maklumkan kata laluan kepada orang lain
- jangan tinggalkan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**.

Anda hendaklah memaklumkan Bank: -

i. dengan serta-merta secara lisan atau bertulis tentang sebarang kehilangan dan/atau kecurian **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau pelanggaran, pendedahan atau kehilangan kata laluan anda;
ii. secepat yang mungkin secara munasabah selepas mendapat tahu bahawa **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** hilang, dicuri, transaksi yang tidak dibenarkan telah berlaku atau kata laluan mungkin telah didedahkan;
iii. dengan serta-merta selepas menerima amaran transaksi melalui SMS jika transaksi tidak dibenarkan dan;
iv. dengan serta-merta tentang sebarang perubahan pada nombor hubungan anda.

Anda hendaklah dan akan kekal bertanggungjawab kepada Bank bagi semua caj yang dikenakan atau terkesan dari melalui penggunaan Akaun **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau Kad oleh mana-mana orang sebelum makluman bertulis atau lisan oleh anda tentang kehilangan dan/atau kecurian **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau pendedahan kata laluan Akaun.Untuk mengelakkan keraguan, anda akan bertanggungjawab untuk:-

i. transaksi berasaskan PIN yang tidak dibenarkan, jika anda:-

    a. bertindak dengan menipu;
    b. lewat memaklumkan Bank secepat yang mungkin secara munasabah selepas mendapat tahu tentang kehilangan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** atau penggunaan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dalam cara yang tidak dibenarkan;
    c. dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
    d. mencatat PIN pada **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**, atau atas apa jua benda yang disimpan berhampiran dengan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan yang mungkin hilang atau dicuri dengan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**.

ii. transaksi yang tidak dibenarkan yang memerlukan penentusahan tandatangan atau penggunaan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** tanpa sentuhan, jika anda:-
    a. bertindak dengan menipu;
    b. lewat memaklumkan Bank secepat yang mungkin secara munasabah selepas mendapat tahu tentang kehilangan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** atau penggunaan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dalam cara yang tidak dibenarkan;
    c. meninggalkan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** atau barang yang mengandungi **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain atau gagal melaksanakan sikap berjaga-jaga yang wajar untuk melindungi **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** di tempat kediaman anda; atau
    d. dengan sukarela membenarkan orang lain menggunakan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**.

Anda boleh memaklumkan Bank tentang sebarang kehilangan dan/atau kecurian **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan/atau pendedahan kata laluan kepada mana-mana orang, dengan serta-merta dengan menelefon kami di +603-6204 7788.

Jika kata laluan digunakan terhadap sebarang transaksi melalui penggunaan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**, anda dianggap telah menggunakan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** dan anda tidak boleh mendakwa bahawa transaksi tersebut tidak dibenarkan kerana **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** telah hilang atau dicuri.

Kami berhak menamatkan **CIMB Lazada Prepaid MasterCard** anda jika anda gagal mematuhi Terma-terma dan Syarat-Syarat yang mengawal **CIMB Lazada Prepaid MasterCard**.

5. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan saya berubah?

Anda perlu memaklumkan kami tentang sebarang perubahan pada butir-butir hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan CIMB Bank berdekatan anda untuk mengemaskini butir-butir hubungan anda.

6. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Unit Penyelesaian Pelanggan
Alamat : P.O. Box 10338,
GPO Kuala Lumpur.
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603-6204 7788
E-mel : CRU@cimb.com

Jika anda ingin membuat apa-apa aduan, sila hubungi kami di:

Unit Penyelesaian Pelanggan
Alamat : P.O. Box 10338,
GPO Kuala Lumpur.
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603-6204 7788
E-mel : CRU@cimb.com

Jika anda mendapati bahawa balasan kami terhadap pertanyaan atau aduan anda adalah tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat: Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato'Onn
50480 Kuala Lumpur

Tel : 1 300 885 465
Faks : +603-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

7. Produk e-money lain yang boleh didapati

Akaun Kwik CIMB / Mastercard Prepaid Kwik CIMB (Akaun baharu tidak lagi ditawarkan bermula dari 5 Disember 2017 namun akaun sedia ada masih boleh digunakan sehingga pemberitahuan selanjutnya).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah mulai **30 September 2020.**

